

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FUTSAL PIALA
NAIB CANSELOR
DI D'FUTSAL KANGAR PADA HARI AHAD 12 APRIL 2009.

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Pengarah Pusat Sukan UniMAP, Encik Afizal Abu Othman

Pegawai-pegawai Unit Sukan UniMAP, Pengadil-pengadil kejohanan,

Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009 seterusnya para peserta Karnival Futsal Piala Naib Canselor 2009.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita sama-sama berkumpul di majlis perasmian penutup Karnival Futsal Piala Naib Canselor pada petang ini.

Sesungguhnya, penganjuran aktiviti sebegini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim di kalangan kita semua, tetapi dapat juga membantu memberikan kesihatan fizikal dan mental melalui aktiviti bersukan ini.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada pihak penganjur iaitu Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008/2009 dengan kerjasama Persatuan Pelajar Pusat Pengajian Sistem Elektrik kerana sudi menjayakan Karnival Futsal Piala Naib Canselor 2009 ini.

Ibarat kata bijak pandai, "pisang sesikat, susu sebelanga, tanda bermuafakat bersama-sama."

Hadirin dan hadirat sekalian,

Aktiviti sukan & riadah merupakan 'vehicle' atau wahana kepada kita dalam mencari dan menggilap bakat disamping mengeratkan keakraban di kalangan warga UniMAP.

Saya percaya kejohanan yang dianjurkan ini mampu melatih dan melahirkan pemain-pemain futsal yang akan mengukir nama UniMAP dan memahat sejarahnya di persada sukan negara mahupun antarabangsa.

Di samping kesihatan merupakan faktor penting dalam menjamin kualiti kerja yang baik, kejohanan ini juga bertepatan dengan hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud "Akal yang sihat hadir dari badan yang cergas".

Ini jelas membuktikan betapa pentingnya aturan hidup ini disulami dengan aktiviti sukan & rekreasi yang akhirnya akan mengharmonikan setiap tugas yang dipikul ke arah kecemerlangan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Karnival Futsal Piala Naib Canselor ini merupakan program tahunan yang bertujuan mencungkil bakat para pelajar dalam sukan futsal seterusnya dapat mewakili universiti di peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, program ini merapatkan perpaduan antara pelajar seterusnya membina semangat kesukanan di antara satu sama lain. Tidak dapat dinafikan, kemenangan memanglah penting dalam setiap pertandingan.

Tetapi, bagi saya apa yang lebih utama dan lebih penting ialah mengambil bahagian, mengutamakan semangat kesukanan, dan matlamat bersukan itu sendiri iaitu untuk mencari kesihatan fizikal dan kesejahteraan diri.

Sesungguhnya saya amat berharap agar kita semua dapat menemui, merasai dan mengecapi matlamat yang dicari serta semangat persaudaraan di antara satu sama lain.

Pada masa sama, saya juga berharap agar semangat bersaing seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa, bukan sahaja di gelanggang sukan tetapi turut dipamer di gelanggang-gelanggang akademik, penyelidikan dan di bilik-bilik kuliah kita.

Saya yakin jika semangat yang sama dapat sentiasa dikekalkan, institusi kita akan dapat menjadi institusi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global.

Akhir kata saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang menjayakan Karnival Futsal Piala Naib Canselor ini. Saya berharap agar tradisi program ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya merasmikan majlis penutupan dan penyampaian hadiah Karnival Futsal Piala Naib Canselor 2009.